


**P**olitik Malaysia tidak lagi sama selepas Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14. Musuh ketat politik, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), berganding bahu untuk menubuhkan Muafakat Nasional dan seterusnya bekerjasama dengan Bersatu. Parti yang dipilih oleh rakyat – Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Demokratik (DAP), Bersatu, dan Amanah – menubuhkan kerajaan pada 10 Mei, tetapi kemudiannya tumbang sehingga berlaku penjarangan politik yang pada akhirnya menyaksikan terbentuknya PN. Bersatu pula berpecah dua, dengan majoriti ahli parlimennya menyertai kerajaan pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin - pergolakan dan kegawatan politik yang tercetus ekoran peletakan jawatan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri. PKR juga berpecah dua, dengan satu puak yang dipimpin Presidennya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berada di pihak pembangkang, manakala puak pimpinan Timbalannya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, menyokong Muhyiddin dan menyertai Bersatu.

Kejayaan membentuk kerajaan dimungkinkan oleh sokongan padu 18 orang ahli parlimen Gabungan Parti Sarawak (GPS), tetapi itu tidak cukup untuk meletakkan PN dalam kedudukan kukuh, stabil dan terjamin, apatah lagi dengan desakan Tun Dr. Mahathir dan kumpulan penyokongnya. Tidak syak lagi, kedudukan PN kini bagaikan telur di hujung tanduk, sekali gus meletakkan negara dalam keadaan penuh teka-teki dan serba kemungkinan. Kita perlu sedar bahawa soal majoriti bukanlah sesuatu yang statik, sebaliknya akan berubah mengikut keadaan dan tindak-tanduk wakil rakyat. Inilah pertama kalinya kita mempunyai kerajaan yang mempunyai majoriti yang sangat tipis.

Sekiranya dua atau tiga daripada mereka beralih daripada satu parti ke parti lain, daripada kerajaan



## Teka-teki Politik Malaysia

KINI, kita bukan sahaja berada dalam kebiasaan baharu disebabkan ancaman pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), tetapi juga mengalami kebiasaan baharu politik negara. Hal ini berlaku susulan kejatuhan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada Februari lalu dan pembentukan kerajaan Perikatan Nasional (PN) pada Mac lalu, juga disebabkan jumlah majoriti tipis yang dikuasai oleh kerajaan sehingga menyebabkan kedudukannya goyah atau tidak stabil.

PN kepada pembangkang, maka kerajaan persekutuan tentu akan jatuh. Kedudukan sekarang bukan seperti sebelumnya apabila kerajaan mempunyai majoriti dua pertiga dengan kedudukan yang stabil dan sukar digugat. Kini, kedudukan tersebut terbuka kepada sebarang manipulasi dan gugatan oleh pihak lawan.

Sesungguhnya, keadaan yang berlaku tidaklah baik untuk kestabilan politik, sosial, ekonomi dan masa hadapan negara. Kita amat memerlukan keadaan politik yang bukan sahaja harmoni, tetapi juga stabil dan mantap. Politik bukan untuk memanipulasi kuasa demi kepentingan peribadi wakil rakyat dan puak yang mempunyai agenda dan kepentingan peribadi. Apa-apa yang berlaku pada ketika ini menyebabkan persahabatan, kesetiaan, sokongan dan sebagainya mempunyai takrifan baharu dalam politik, atau sebenarnya tidak ada unsur sejati dalam politik kerana pada akhirnya yang diangkat ialah kepentingan diri, puak dan kuasa atas nama kepentingan rakyat.

Selagi ada pemimpin oportunistik dan mengutamakan kepentingan diri melebihi kepentingan rakyat, selagi itu akan berlaku tindakan lompat-melompat parti dan meletakkan kedudukan politik negara dalam krisis dan kucar-kacir. Pelbagai perkembangan yang berlaku memburukkan lagi keadaan politik negara. Tun Dr. Mahathir dan Muhyiddin masing-masing mengakui sebagai Pengerusi Bersatu. Mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) Bersatu pada awal Jun lalu bersetuju mengiktiraf Muhyiddin sebagai pemangku pengerusi parti itu dan pengiktirafan itu selaras dengan perlembagaan parti. MPT juga bersetuju menyokong Muhyiddin sebagai Perdana Menteri kelapan selepas dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong berlandaskan Perlembagaan Persekutuan. Mesyuarat itu mengesahkan keahlian Tun Dr.

Mahathir dan empat lagi ahli parti itu telah terhenti dengan sendirinya selaras dengan perlembagaan parti. Malah, mesyuarat berkenaan juga memutuskan keputusan Bersatu keluar daripada PH adalah sah dan telah dimuktamadkan dalam mesyuarat MPT pada 23 Februari lalu.

Peralihan kuasa pada peringkat pusat turut memberikan kesan dan implikasi yang mendalam terhadap politik pada peringkat negeri. Kesan langsungnya ialah beberapa buah negeri yang sebelum ini dipimpin oleh PH turut tumbang, termasuk Johor, Perak, Melaka dan Kedah, setelah Ahli Dewan Undangan Negeri sama ada daripada PKR atau Bersatu beralih sokongan. Kedah yang dipimpin oleh Dato' Seri Utama Mukhriz Mahathir juga hilang kuasa.

Kemelut dalam Bersatu ternyata belum lagi selesai, malah bertambah buruk dan pasti akan melalui jalan yang lebih berliku dan sukar. Tindakan Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Dr. Shahrudin Md. Salleh, meletakkan jawatannya sebagai Timbalan Menteri Kerja Raya memburukkan lagi keadaan, dan mencetuskan teka-teki yang sukar dirungkaikan.

Pada Mac lalu, kerajaan mengambil langkah strategik dengan melantik sebahagian besar ahli parlimen sebagai pengerusi syarikat berkaitan kerajaan, lembaga, jawatan bertaraf menteri dan sebagainya. Mereka juga dilantik ke jawatan menteri dan timbalan menteri. Persoalannya, adakah tindakan itu cukup untuk memberikan jaminan bahawa individu berkenaan akan terus setia kepada kerajaan PN?

Dalam persidangan Dewan Rakyat pada Mei lalu, Yang di-Pertuan Agong menitahkan agar ahli politik tidak mengheret negara sekali lagi ke kancas politik yang tidak menentu kerana rakyat jelata kini masih berhadapan dengan pelbagai masalah dan masa hadapan yang sukar akibat pandemik COVID-19. Percayalah, nasihat berkenaan diberikan kerana

Kita perlu sedar bahawa soal majoriti bukanlah sesuatu yang statik, sebaliknya akan berubah mengikut keadaan dan tindak-tanduk wakil rakyat. Inilah pertama kalinya kita mempunyai kerajaan yang hanya mempunyai majoriti yang sangat tipis.

baginda tahu akan perkembangan yang berlaku dalam politik negara dan sedar akan risiko yang dihadapi jika politik negara sekali lagi berhadapan dengan krisis.

Pada hakikatnya, sebagai kerajaan majoriti tipis, kedudukan Muhyiddin dan PN sememangnya tidak selamat. Persoalannya pula, adakah kerajaan PN benar-benar akan tumbang dalam masa terdekat ini atau hal itu sekadar perang psikologi yang dimainkan oleh PH? Adakah perang psikologi ini dilakukan bagi menanam perasaan waswas terhadap bilangan ahli parlimen yang menyokong Muhyiddin dalam minda rakyat?

Sementara sokongan yang ada pada PN sebagai kerajaan amat runcing dan terumbang-ambing, iaitu hanya dua majoriti ahli parlimen (ketika makalah ini ditulis, awal Jun lalu). Terdapat khabar angin yang bertiup kencang bahawa pemimpin PH akan menghadap Yang di-Pertuan Agong di Istana, malah ada spekulasi lebih liar lagi bahawa Parlimen bakal dibubarkan. Yang tidak dapat dinafikan, sesudah hilang kuasa, PH bertekad keras untuk mendapatkan semula mandat pilihan raya gabungan politik berkenaan demi memenuhi amanah rakyat.

Ada banyak isu yang menyebabkan rakyat mula sangsi dengan keadaan politik yang berlaku pada hari ini. Rasa kecewa mereka yang tidak lagi berkuasa juga tidak dapat ditolak begitu sahaja. Sementara itu, bagi PN pula, mereka tidak akan mudah membiarkan PH untuk merebut kembali kuasa. Bagi majoriti orang Melayu, mereka sudah menyaksikan bagaimana kerajaan PH memimpin dan menangani isu berkaitan dengan agama, ras dan raja ketika memerintah selama 22 bulan.

Bagi pihak yang menyokong PH, mereka mahu PH kembali berkuasa kerana ini merupakan kerajaan yang dipilih oleh rakyat dalam

Pada akhirnya, yang menentukannya bukan lagi rakyat, tetapi ahli parlimen yang telah diberi kuasa oleh rakyat. Oleh itu, mereka tidak harus menyalahgunakan kuasa dan mandat tersebut sesuka hati tanpa memikirkan kesannya terhadap rakyat dan negara.

PRU ke-14 pada Mei 2018 yang mempunyai mandat dan legitimasi untuk memerintah. Namun begitu, tumbangannya PH juga merupakan binaan mereka sendiri, termasuk tindakan Bersatu keluar PH dan Tun Dr. Mahathir meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri.

Ya, kerajaan PN akan tumbang sekiranya tiga Ahli Parlimen Bersatu melompat masuk ke dalam kem Tun Dr. Mahathir atas alasan yang mereka sahaja lebih tahu. PH turut mengalami nasib yang sama apabila tidak mempunyai majoriti yang mencukupi untuk membentuk kerajaan yang stabil seperti sebelum ini. Bagi penyokong PH, mereka percaya dan berharap pertukaran kerajaan dalam tempoh yang singkat ini juga dijangka akan berlaku lagi dan tidak akan terhenti sehingga PRU ke-15.

Sesetengah pihak percaya bahawa PN akan tumbang dalam masa terdekat, manakala yang lain pula yakin PN mampu bertahan sehingga PRU ke-15 akan datang. Namun begitu, sama ada hal ini akan berlaku atau tidak, bergantung pada tanduk wakil rakyat yang kini berada dalam kerajaan PN, terutamanya dalam kalangan penyokong Bersatu.

Percayalah, tidak mungkin akan berlaku lompatan daripada DAP, Amanah dan PKR ke dalam kem Tun Dr. Mahathir, kecuali mereka bersedia dan mahu sekali lagi Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Perkembangan masih berjalan, dinamika politik ini tidak statik sebaliknya masih bergerak dan berubah, dan tiada sesiapa yang dapat meramalkan dan menjangkakan secara pasti apa-apa yang akan berlaku.

Pada akhirnya, yang menentukannya bukan lagi rakyat, tetapi ahli parlimen yang telah diberi kuasa oleh rakyat. Oleh itu, mereka tidak harus menyalahgunakan kuasa dan mandat tersebut sesuka hati tanpa memikirkan kesannya terhadap rakyat dan negara.

Bagi rakyat, sudah tentu mereka mahu akan kepastian, kestabilan, keharmonian negara dikekalkan demi pertumbuhan ekonomi dan kemajuan negara, apatah lagi ketika negara berhadapan dengan ujian besar selepas berakhirnya ancaman pandemik COVID-19 nanti. Adakah PRU mengejut jawapan terbaik kepada kemelut dan ketidakpastian yang dihadapi sekarang? Percayalah, rakyat sudah muak dengan drama politik dan kerenah ahli politik yang bagaikan tiada kesudahan. □